

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

THE STAR MISI NATION 4/3/2025 (SELASA)

Over 43,000 nurses needed

'Not enough healthcare workers for newly established hospitals'

WITH more hospital projects in the pipeline, the Health Ministry will need more than 43,000 nurses to serve the public sector.

"Based on our projection for this year, we need 43,243 nurses who can help with the healthcare delivery system," said Deputy Health Minister Datuk Lukanisman Awang Sauni (*pic*).

"However, this will depend on the decision of federal agencies," he told the Dewan Rakyat yesterday.

He said the ministry has started seeing results in efforts to churn out more nurses, despite the disruption during the Covid-19 pandemic.

"However, that is not enough as we are facing new challenges in the form of new hospitals being established such as Petra Jaya in Sarawak and the Sabah Heart Centre and other new projects such as HSA2 (Hospital Sultanah Aminah 2)," he said.



Lukanisman acknowledged that issues related to nurses' welfare must be looked into. The government, he added, is also looking at how perks and allowances for healthcare workers can be improved.

Lukanisman said as of Dec 31, 2024, there were 70,229 nurses under the Health Ministry. Of this, 69,114 were in permanent service while 821 were under contract.

He said 88% of the 79,814 vacan-

cies for nurses have been filled.

"Based on the ministry's records, a total of 582 nurses had resigned in 2024. Among the reasons for the resignations were joining the private sector, placement issues, following their spouse, shift hours, health problems and personal problems."

The ministry, he added, is always committed to come up with initiatives to increase the number of nurses to ensure continuity of the healthcare services.

He said the intake for nursing diploma graduates is conducted in phases, adding that the number of trainee nurses has increased from 1,000 to 2,000.

With the Higher Education Ministry ending the moratorium on nursing diploma programmes on Aug 1, 2024, seven colleges have applied to offer new nursing diploma programmes.

The ministry has also applied for more vacancies besides revis-

ing the prerequisite for school leavers to pursue a nursing diploma course.

Applicants for a nursing diploma programme would require three credits in the Sijil Pelajaran Malaysia for Bahasa Melayu, Mathematics or Additional Mathematics; a credit in any Science subjects and English as well as a credit in another subject.

He was responding to a question by Suhaizan Kaiat (PH-Pulai) on the number of nurses who have resigned from the Ministry and their reasons.

Suhaizan had also asked for the number of nurses required to serve in old and new health facilities.

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

KOSMO M/S 6 NEGARA 4/3/2025 (SELASA)



LUKANISMAN ketika menjawab soalan di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur semalam. – JABATAN PENERANGAN

1,754 jururawat letak jawatan sejak 5 tahun

- **Pindah ikut pasangan, masalah peribadi antara punca berhenti**
- **Perlukan 43,243 lagi bagi perkhidmatan kesihatan lancar**

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Seramai 1,754 jururawat Kementerian Kesihatan (KKM) meletak jawatan dalam tempoh lima tahun termasuk 582 orang meletak jawatan tahun lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, antara alasan diberikan bekerja di sektor swasta, isu penempatan, mengikut pasangan, waktu bekerja syif, masalah kesihatan pegawai, keluarga dan peribadi.

DEWAN RAKYAT

“Berdasarkan rekod, sebanyak 2798 peratus merupakan alasan peribadi dan ini adalah peratusan tertinggi. Terdapat juga isu besar iaitu penempatan apabila tawaran diberikan tidak menepati cita rasa.

“Kebanyakan beranggapan apabila dapat tawaran jururawat mahu ditempatkan di kampung sendiri seperti Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

“Kita berdepan kekurangan jururawat di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor dan Selangor. Ini memberi satu cabaran bagi menampung keperluan,” katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Suhaizan Kaiat (**PH-Pulau**) berhubung jumlah jururawat yang diperlukan di semua fasiliti kesihatan lama dan baharu.

Dalam pada itu, Lukanisman berkata, seramai 70,229 jururawat terdiri daripada 69,114 anggota lantikan tetap dan 821 lantikan kontrak interim sedang berkhidmat di fasiliti kesihatan KKM di seluruh negara ketika ini.

Katanya, ini meliputi hospital, klinik kesihatan, institusi perubatan, institut latihan KKM dan Ibu Pejabat Kesihatan KKM.

Katanya, KKM masih memerlukan 43,243 jururawat lagi supaya penyampaian perkhidmatan kesihatan berjalan lancar.

Lukanisman berkata, antara inisiatif dalam meningkatkan jumlah jururawat adalah menambah pengambilan pelatih Diploma Kejururawatan di Institut Latihan KKM daripada 1,000 kepada 2,000 pelatih.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : LOKAL

HARIAN METRO M/S18 LOKAL 4/3/2025 (SELASA)

DEWAN RAKYAT

Jururawat tak cukup 3 lokasi

Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak adalah lokaliti penempatan popular pemohon

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.mu-zamir@bh.com.my

Kuala Lumpur

Andaian pemohon akan ditempatkan di negeri kelahiran apabila diterima bekerja dalam sektor awam adalah antara punca berlaku kekosongan perjawatan, terutama bagi jururawat.

Rentetan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut berdepan kesukaran mewujudkan keseimbangan antara jumlah kekosongan perjawatan dan lokasi penempatan yang tidak memenuhi citarasa pemohon.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni (gambar), berkata berdasarkan rekod, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak adalah lokaliti penempatan popular pemohon.

Bagaimanapun, beliau berkata, KKM berdepan kekurangan jururawat di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor, sekali gus memberikan cabaran terutama bagi menampung keperluan di negeri berkenaan.

Selain itu, katanya, faktor perpindahan ke sektor swasta dan meletak jawatan dalam kalangan jururawat di bawah KKM turut mendorong peningkatan kekosongan perjawatan berkenaan.

"Berdasarkan rekod, hampir 1,754 jururawat beralih dan memilih untuk keluar dalam tempoh lima tahun dengan 27.98 peratus akibat masalah peribadi dan ia adalah peratusan tertinggi. Ada juga (sebahagian jururawat di bawah KKM) memilih keluar (berpindah ke sektor swasta) iaitu 18.22 peratus atau 390 orang daripada angka berkenaan," katanya pada Sesi Pertanyaan bagi Jawab Lisan di Dewan Rakyat, semalam.



Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Dr Alias Razak (PN-Kuala Nerus)** mengenai pengisian perjawatan di KKM, terutama jururawat di beberapa negeri.

Sementara itu, Lukanisman berkata, sejumlah kekosongan perjawatan bukan berlaku di fasiliti semasa, sebaliknya jumlah berkenaan diwujudkan bagi memenuhi keperluan fasiliti baharu.

Ini kerana, katanya, KKM akan memulakan ekseseis untuk memohon perjawatan apabila pembangunan mana-mana projek mencapai tahap 85 peratus siap.

"Selain itu, masalah di lapangan kadang-kadang hospital berdepan masalah (projek) hospital sakit seperti di Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang. Terdapat kekosongan tetapi fasiliti tidak tersedia walaupun kita menjanjikan fasiliti terbabit siap.

"Sama seperti fasiliti di Miri, Sarawak. Kita mempunyai angka yang sudah diluluskan, tetapi sehingga kini hospital tambahan terbabit belum beroperasi. Ini menyebabkan kita dilihat tak mengisi kekosongan berkenaan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

BERITA HARIAN M/S 8 NASIONAL 4/3/2025 (SELASA)
Sidang Dewan Rakyat

'Ramai jururawat berhenti tak dapat balik kampung'

KKM berdepan cabaran kurang kakitangan di Johor, KL dan Pulau Pinang

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ramai yang memohon jawatan perkhidmatan awam, termasuk jururawat berharap ditugaskan di lokasi berdekatan kampung halaman mereka, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni.

Jelasnya, rekod menunjukkan negeri seperti Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak menjadi lokaliti penempatan popular dalam kalangan pemohon.

Bagaimanapun, beliau berkata, KKM berdepan kekurangan jururawat di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor dan berdepan cabaran bagi menampung keperluan di negeri berkenaan.

"Andaian bahawa pemohon akan ditempatkan di negeri ke-

lahiran apabila diterima bekerja dalam sektor awam, antara punca berlaku kekosongan perjawatan, terutama bagi jururawat.

"Rentetan itu, KKM turut berdepan kesukaran mewujudkan keseimbangan antara jumlah kekosongan perjawatan dan lokasi penempatan yang tidak memenuhi cita rasa pemohon," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Dr Alias Razak (PN-Kuala Nerus) pada sidang Dewan Rakyat semalam, mengenai pengisian perjawatan di KKM, terutama jururawat di beberapa negeri.

Lukanisman berkata, faktor perpindahan jururawat di bawah KKM ke sektor swasta dan meletak jawatan turut mendorong peningkatan kekosongan perjawatan berkenaan.

"Berdasarkan rekod, hampir 1,754 jururawat beralih dan memilih untuk keluar dalam tempoh lima tahun dengan 27.98 peratus akibat masalah peribadi, iaitu peratusan tertinggi.

"Ada juga memilih untuk ke-

luar (berpindah ke sektos swasta), iaitu 18.22 peratus atau 390 orang daripada angka berkenaan," katanya.

Penuhi keperluan fasiliti

Sementara itu, Lukanisman berkata, kekosongan perjawatan jururawat bukan berlaku di fasiliti semasa, sebaliknya jumlah berkenaan diwujudkan bagi memenuhi keperluan fasiliti baharu.

Katanya, KKM akan memulakan eksekusi untuk memohon perjawatan berkenaan apabila pembangunan mana-mana projek mencapai tahap 85 peratus siap.

"Selain itu, masalah di lapangan adalah kadang-kadang hospital berdepan masalah (projek) sakit seperti Hospital Seberang Jaya di Pulau Pinang. Terdapat kekosongan tetapi fasiliti tidak tersedia walaupun kita menjanjikan fasiliti terbabit siap.

"Sama seperti fasiliti di Miri, Sarawak. Kita mempunyai angka (perjawatan) yang sudah diluluskan, tetapi sehingga kini hospital

jumlah belum beroperasi. Ini menyebabkan kita dilihat tak mengisi kekosongan berkenaan," katanya.

Mengenai skim perubatan MADANI, beliau berkata, pelaksanaannya memerlukan dana sangat besar memandangkan keseluruhan peruntukan sudah digunakan sepenuhnya selang beberapa bulan ia mula beroperasi.

Ahli Parlimen Sibuti itu memaklumkan, sejumlah RM100 juta digunakan bagi pelaksanaan skim berkenaan di 10 daerah, hanya pada April tahun lalu.

"Ada beberapa negeri seperti Selangor dan kini Sarawak yang memperkenalkan kad mesra atau kesihatan, khusus bagi warga emas. Kekuatan fiskal sesebuah negeri diperlukan untuk melaksanakan program sedemikian.

"Kerajaan Persekutuan ketika ini belum mampu menyediakan skim berkenaan di negeri tertentu dan kita akan cuba (memperluaskan skim perubatan MADANI ke negeri lain).

"Saya yakin Kementerian Kesihatan akan cuba menambah skim berkenaan untuk diperluas kepada lebih daripada 10 daerah sedia ada," katanya.



Lukanisman

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

BERITA HARIAN M/S 8 NASIONAL 4/3/2025 (SELASA)

Syor hospital swasta tak disenarai di bursa

Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin mencadangkan Malaysia mencontohi Korea Selatan yang menetapkan hospital di negara itu tidak boleh disenarai di bursa saham.

Beliau berkata langkah itu penting kerana hospital swasta di negara ini dilihat beroperasi dengan lebih kepada berorientasikan untung, sekali gus menjadi punca mereka mengenakan caj tinggi untuk perkhidmatan kepada pesakit.

"Kenapa caj hospital begitu mahal... puncanya kerana hospital swasta ini (beroperasi) untuk untung dan disenarai dalam Bursa Malaysia menyebabkan setiap tiga bulan mereka kena laporan keuntungan.

"Itu sebabnya mereka perlu mendapatkan keuntungan tinggi, naik harga itu dan harga ini. Kita harus faham ini situasi tidak sihat, hospital sepatutnya menyelamatkan nyawa dan bukannya dijadikan alat perdagangan," katanya.

Membahaskan Rang Un-

dang-Undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025 di Dewan Rakyat semalam, beliau memberi contoh Korea Selatan yang boleh diconotohi Malaysia.

"Baru-baru ini duta Korea ada beritahu saya bahawa hospital di negara itu tidak boleh disenarai di bursa Korea kerana (operasi) mereka adalah untuk menyelamatkan nyawa dan bukan demi untung.

"Jadi saya menggesa Menteri Kewangan dan Bank Negara Malaysia untuk lihat isu ini kerana kita nak jaga rakyat dan bukannya nak jaga kapitalis," katanya.

Menyentuh harga tinggi caj rawatan tidak terkawal dikenakan hospital swasta, Ahli Parlimen Pakatan Harapan (PH) itu, berkata hanya 30 peratus daripada bil hospital dikawal di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

Selebihnya atau 70 peratus lagi, kata beliau, tidak dikawal langsung yang membabitkan bekalan

dan perkhidmatan disediakan hospital.

Caj tidak munasabah

Memberi contoh pelitup muka dan sarung tangan getah untuk surgikal, beliau berkata, caj dikenakan hospital swasta amat tidak munasabah jika dibandingkan harga produk itu di pasaran.

"Pelitup muka sekarang satu kotak RM5 ada 50 keping, tetapi hospital swasta caj RM2 setiap satu (keping), menyaksikan peningkatan sehingga 2,000 peratus.

"Sarung tangan surgikal pula satu kotak ada 100 unit hanya dijual RM10, tetapi di hospital, caj satu pasang RM20 sedangkan Malaysia pengeluar sarung tangan getah terbesar dunia.

"Ini bagi saya *excessive profiteering* (ambil untung secara berlebihan),"katanya.

Beliau memberi contoh pesakit warga emas yang menjalani pembedahan di hospital dan ditahan dua hari di wad, dikenakan caj

sehingga RM39,000.

"Hospital konsultan (pakar) ada kawalan hanya RM7,800 (caj dikenakan) tetapi yang tak dikawal seperti bekalan hospital RM32,000. Ini semua tak ada kawalan, jadi kita kasihan kepada pesakit.

"Dia sendiri tak mahu (minta) untuk masuk hospital dan tak ada yang nak sakit, tetapi akhirnya menjadi mangsa, katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa satu langkah kawalan diambil pihak berkuasa terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk menggunakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) bagi mengatasi isu caj tinggi dan tidak dikawal dikenakan hospital swasta.

"Menteri KPDN perlu guna Akta 723. Kita bukan nak *strangle* (mencekik), tetapi nak *regulate* (kawal selia). Kalau caj RM1 atau 50 sen OK lah, tetapi takkanlah sampai RM20 (sepasang sarung tangan getah)," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN MIS 7 NASIONAL 4/3/2025 (SELASA)

Akta 775 kawal pengamal perubatan tradisional tidak bertauliah

SHAH ALAM - Penguatkuasaan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775) merupakan langkah positif mengangkat martabat pengamal perubatan tradisional dalam negara, selain melindungi kepentingan pengguna daripada rawatan yang tidak berkelayakan dan berisiko.

Pengerusi Pertubuhan Pengamal Perubatan Melayu Nusantara (Pemera), Muhamad Hafiz Ab Ghani berkata, akta tersebut bukan sahaja memberi perlindungan kepada pengamal perubatan yang sah, ia juga dapat mengekang penipuan dalam industri berkenaan.

Menurutnya, pengamal perubatan tradisional menyambut baik pelaksanaan Akta 775 yang dilihat sebagai langkah penting dalam mengawal selia industri perubatan tradisional.

"Akta ini dapat memberikan



MUHAMAD HAFIZ SHAMSUDIN

keyakinan kepada pengamal perubatan mahupun pengguna.

"Ia juga dapat membanteras individu yang menawarkan rawatan tanpa tauliah dan tidak diiktiraf, termasuk mereka yang menjalankan penipuan rawatan tradisional.

"Ramai *scammer* di luar sana menawarkan rawatan tanpa tauliah, dengan adanya Akta 775 golongan tersebut tidak dapat beroperasi dengan bebas," tambahnya.

Sementara itu, Pengerusi

Persatuan Perawat Melayu Islam Malaysia, Shamsudin Ismail berkata, jumlah pengamal yang mendaftar masih rendah, menunjukkan majoriti belum bersedia dengan penguatkuasaan akta tersebut.

"Walaupun Akta 775 dikuatkuasakan bermula tahun 2016, tempoh peralihan sehingga Februari 2024 dan dijangkan sehingga Ogos sebelum dikuatkuasakan pada 1 Mac tahun ini, tidak ramai tampil mendaftar disebabkan KKM kurang melakukan promosi dan hebahan," katanya.

"Dari aspek positif, ia membantu pengamal memiliki sijil dan pengiktirafan kerajaan serta peluang memajukan bidang perubatan sehingga ke peringkat antarabangsa.

"Kesan negatifnya, pengamal perlu mengeluarkan modal besar untuk pendaftaran selain terpaksa menjalani kursus tertentu," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 7 NASIONAL 4/3/2025 (SELASA)

Isu peningkatan kos perubatan akan dimuktamad masa terdekat

PUTRAJAYA - Isu peningkatan kos perubatan negara akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya sedang menangani isu berkenaan secara agresif.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kewangan (MOF) tu-

rut meneliti hal berkaitan dengan peningkatan premium insurans.

"Beberapa pendekatan lain juga telah diambil dan saya tetapkan dalam waktu terdekat kita dapat tangani," katanya di sidang akhbar selepas melancarkan Kempen Kebersihan dan Keselamatan Makanan Bazar Ramadan 2025 di sini pada Isnin.

Industri insurans dan takaful menerima banyak maklum balas selepas

mengumumkan kenaikan mendadak premium insurans perubatan antara 40 hingga 70 peratus, berikutan dakwaan mereka mengenai kos perubatan yang tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengarahkan BNM dan KKM untuk membuat keputusan mengenai mekanisme kawalan bagi memastikan kenaikan premium tidak membebankan rakyat

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN MJS7 NASIONAL 4/3/2025 (SELASA)

Kaji semula caj RM1 pesakit luar

Supaya kerajaan dapat dana mencukupi sedia khidmat kesihatan

Oleh **TUAN BUQHAI RAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

Kerajaan digesa untuk mengkaji semula caj rawatan RM1 kepada pesakit luar bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan di fasiliti awam.

Tokoh korporat terkemuka, Datuk Seri Idris Jala berkata, langkah itu perlu dilakukan bagi memastikan sektor kesihatan awam terus mampan di samping negara sedang menuju ke arah masyarakat yang semakin menua.

"Hari ini, sebab utama kerajaan tidak

mempunyai dana mencukupi untuk penjagaan kesihatan ialah kerana kita tidak mengutip bayaran yang cukup untuk menampungnya.

"Itulah sebabnya standard perkhidmatan di hospital kerajaan merosot. Jadi, saya fikir adalah sangat penting kita mengkaji semula kadar caj secara berpatutan dengan mengambil kira inflasi," katanya menerusi rakaman yang disiarkan di saluran *The Game of Impossible* pada Ahad.

Menurutnya, kerajaan tidak pernah membuat perubahan caj walaupun satu sen sejak ia diperkenalkan.

"Lihatlah inflasi yang meningkat dan caj perubatan dan doktor dikawal kerajaan. Kali terakhir kerajaan membuat perubahan ialah pada tahun 1992 iaitu 30 tahun yang lalu. Jadi, secara jujur, kita perlu membuat penyesuaian," katanya.

Beliau yang juga bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri turut mencadangkan agar kerajaan menerima pakai Skim Insurans Nasional berasas-

kan pemutusan dana sebagai usaha menangani aspek kewangan dalam sektor kesihatan.

"Skim ini perlu diwajibkan untuk semua dan jika dilihat banyak negara lain telah melaksanakannya," kata beliau.

Tambah beliau, jika tiada tindakan diambil oleh kerajaan, kos penjagaan kesihatan akan terus meningkat.

"Cara kita melaksanakannya sekarang tidak mampan. Semua orang di Kementerian Kesihatan setuju dengan perkara ini," jelas beliau.

Sebelum ini, pakar kesihatan awam Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Malina Osman menyifatkan caj rawatan RM1 bagi perkhidmatan kesihatan di premis kesihatan kerajaan dilihat sudah tidak lagi mampu menampung kos sistem kesihatan negara.

Skim pembiayaan kesihatan termasuk caj RM1 yang dikenakan di klinik kerajaan menjadi antara kandungan utama Kertas Putih Kesihatan dalam menambah baik sistem kesihatan negara.



Tangkap layar wawancara Idris yang disiarkan di saluran *The Game of Impossible* pada Ahad.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : LOKAL

HARIAN METRO MIS 3 4/3/2025 (SELASA)

KELAKUAN TAK SENONOH**Doktor dibebaskan
dengan jaminan polis**

George Town: Seorang pegawai perubatan sebuah hospital di sini yang ditahan bagi membantu siasatan kerana berkelakuan tidak senonoh di tempat kerjanya pada Rabu, dibebaskan dengan jaminan polis kelmarin.

Timbalan Ketua Polis Daerah Timur Laut Superintendan Lee Swee Sake berkata, jaminan diberikan selepas perintah reman terhadap doktor berusia 43 tahun itu tamat kelmarin.

“Polis ketika ini melengkapkan kertas siasatan kes berkenaan di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan-kesalahan Kecil 1955, sebelum diserahkan kepada

**“Jaminan
diberikan selepas
perintah reman
terhadap doktor
berusia 43 tahun
itu tamat”**

Lee Swee Sake

Bukit Aman dan Pejabat Peguam Negara (AGC) untuk tindakan seterusnya,” katanya.

Media sebelum ini melaporkan, pihak polis menahan pegawai perubatan itu di sebuah hospital jam 9.30 malam Rabu selepas menerima maklumat pihak hospital berhubung kejadian itu.

Lelaki itu direman empat hari bermula 27 Februari bagi membantu siasatan.